

Berita-berita Ulasan dan Peristiwa Dalam Sebulan

Menurut Berita Harian, Yang Dipertua Mahkamah Syariah, *Chief Qadi* dan Qadi Mahkamah Singapura telah mengeluarkan kenyataan bersama mengulas syarahan Tuan Yu Ha Ong, pensyarah Undang-undang Universiti Singapura yang kesimpulannya sangat menyesali perbuatan pensyarah itu membuat perbezaan di antara agama Islam dengan agama Buddha kerana zahir bahawa seolah-olahnya, Yu ha Ong menonjol-nonjolkan bahawa sistem dan peraturan agama Buddha sahaja yang dapat memberikan kesejahteraan kepada penganut-penganutnya.

Mengenai poligami, kenyataan bersama itu berkata: “Kami tidak bersetuju sekali-kali bahawa poligami dihapuskan di kalangan orang-orang Islam seperti yang diingin-inginkan oleh Tuan Ong kerana dalam poligami terdapat hikmah-hikmah dan faedah untuk kebaikan orang-orang Islam.

“Bagaimana pun, kami setuju dan menyokong apa juga undang-undang yang membatas poligami dengan syarat pembatasan itu harus sesuai dengan kehendak al-Qur’ān agar poligami tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

“Ini perlu kerana poligami juga mendorong keburukan kalau disalah gunakan terhadap masyarakat apa lagi terhadap keluarga yang berpoligami itu sendiri, jika hal-hal itu tidak diatur, dijaga dan dibatasi dengan undang-undang.”

Seterusnya mengenai dengan syor supaya orang-orang

hendak berpoligami dengan lebih dahulu mendapat izin daripada isterinya maka tiga serangkai ini berkata:

“Usul ini tidak dapat dipersetujui kerana tidak ada nas-nas yang terang mewajibkan suami meminta izin isteri pertama jika ia hendak kahwin lagi tetapi kami bersetuju kalau dimasukkan dalam peraturan dan undang-undang agar satu-satu kuasa yang boleh membatasi berpoligami – demi untuk mengawal ia disalah gunakan.”

Sekian penjelasan tiga serangkai. Penjelasan ini bagi pembaca-pembaca di Singapura yang mengikuti hal ehwal Mahkhamah Syariah semenjak ditubuhkan di dalam masalah berpoligami cukup mengetahui apa yang terjadi dan kerana itu buat sementara tidak perlu diulas.

* * *

Kisah dan Peristiwa

Di bawah ini adalah satu kisah yang disampaikan kepada pengetahuan kita oleh seorang pemuda yang ingin ayah dan ibunya hidup aman dan bahagia:

Ayah saya adalah Peranakan Singapura yang berketurunan asal dari India, lebih dua puluh tahun dahulu ia berkahwin kepada ibu saya. Sesudah lima enam tahun berkahwin datuk saya mengajak ayah saya pergi ke India. Di sana ia dikahwinkan dengan salah seorang daripada keluarganya. Tidak lama berkahwin, ibu tiri saya itu pun dibawah pula ke Singapura ini.

Beberapa tahun kemudian, entah apa fasalnya, ibu saya diceraikan oleh ayah saya dengan talak satu.

Sesudah bercerai itu berusalah ibu saya sedapati meungkin untuk mencari sara hidupnya dan *al-ḥamduli'Lāh* dapatlah ia mendidik kami adik-beradik sehingga besar. Kami disekolahkannya dan berkat kecekalannya dapatlah kami pengetahuan yang boleh mendapat sara hidup dan dapatlah pula kami membantu kehidupannya. Ayah saya ada juga membantu kami.

Ada pula beberapa orang yang telah meminang ibu saya dalam masa ia sudah bercerai itu tetapi entah apa sebabnya ia tidak mahu berkahwin.

Lima enam tahun yang lampau, ibu tiri saya telah dihantarkan pulang oleh ayah saya ke India dan ia sendiri tinggallah membujang di sini.

Hubungan saya dengan ayah terus-menerus baik, sekalipun ia sudah bercerai dengan ibu saya. Kehidupan ayah saya pula tidaklah begitu susah – masih berusaha dan boleh mendapat hasil lumayan; sedang ibu saya pula terus-menerus bekerja untuk sara hidupnya sehingga tidaklah ia menggantungkan dirinya kepada orang lain bahkan bertambah pula kami adik-beradik sentiasa memberi bantuan sekadarnya kepadanya,

Yang menyusahkan kami – ibu di sini, ayah di sana sedang kedua-duanya kami kasih dan sayangi. Kerana itu berpaktatlah kami adik-beradik meminta kedua-duanya berbalik semula kerana masing-masing pun telah ada umur. Hal ini tentunya besar ertinya kepada kami adik-beradik terutamanya dengan mereka berbalik semula itu kasih kami tidak pula terpisah dan kami tidak pula akan

berjauh-jauhan daripada kedua-dua mereka bahkan dapat kami sekadarnya untuk berkhidmat kepada kedua-duanya selagi hayatnya.

Akhirnya pujujan kami kepada keduanya diterima kami. Kami bersyukur kepada Allah bahawa kami dapat berikhtiar mencantumkan kedua-dua ibu bapa yang telah bercerai-berai beberapa lama itu. Dengan anjuran itu tentu tidaklah meraka boleh balik begitu sahaja perlulah mereka supaya dinikahkan semula dan tiap-tiap nikah itu mestilah didaftarkan – kalau tidak tentunya menjadi seuatu kesalahan.

Pergilah ayah saya kepada tuan Qadi. Tuan qadi tidak mahu menikahkannya kerana ia tidak diluluskan menikahkan orang yang sudah ada isteri yang boleh menikahkan hanya qadi besar sahaja.

Begitulah, akhirnya pergilah ayah kepada Qadi Besar tetapi setelah ditanyakan dan disoal beberapa akhirnya Qadi Besar enggan menikahkan ayah dengan ibu saya kerana ia dipandang ada mempunyai isteri. Dengan kerana halangan-halangan itu hampalah hati kami dan hampalah harapan atas niat baik kami adik-beradik mencantumkan ayah dan bonda kami yang telah lama bercerai. Saya syorkan supaya ayah nikah sahaja dengan ibu dengan nikah secara Islam dengan tidak berdaftar, ayah enggan kerana ini melanggar undang-undang negeri.

Betapakah hal kami ini! Apakah yang demikian salah mengikut undang-undang Islam? Adalah salah pula mengikut undang-undang negeri? Dan apakah peraturan ini adakah ia didasarkan kepada undang-undang apa tidaklah saya ketahui – demikianlah pertanyaan-pertanyaan saya kepada diri saya sendiri. Beginilah manusia di dunia, adanya